

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

HIS 202 Fiqh Al-Mu'amalat: Hubungan Sesama Makhluk

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi ENAM (6) soalan dalam TIGA (3) muka surat.

Jawab EMPAT (4) soalan. Semua jawapan hendaklah diteliti bagi memenuhi kehendak atau tuntutan setiap soalan yang dipilih. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Surah al-Baqarah ayat 30 menyentuh tentang perkhabaran Allah kepada para malaikat, bahawa Allah akan menjadikan khalifah di bumi ini.
 - [a] Bincangkan pandangan dan pendapat 'ulama mengenai maksud khalifah yang difahami dari ayat tersebut dan ayat-ayat lain yang berkaitan.
 - [b] Bagaimanakah Syekh Muhammad 'Abduh mengemukakan hujahnya menyatakan, manusia dalam hubungan sesama mereka, sangat cenderung kepada pergaduhan dan permusuhan.
2. Ibnu Kathir dan al-Alusi bersepakat bahawa maksud "Ad Din" yang terdapat di dalam surah al-Baqarah, ayat 132 ialah: "Agama Islam" atau agama yang menjamin kesejahteraan sejagat. Melalui panduan al-Quran dan al-Hadith serta sumber-sumber lain yang difahami dari al-Quran dan al-Hadith secara menyeluruh,uraikan dengan jelas dua (2) konsep berikut sebagai pendorong dan pembantu manusia bagi mewujudkan kebaikan yang unggul dalam kehidupan mereka:
 - [a] Konsep pengajaran dan pembelajaran
 - [b] Konsep renung dan fikir

3. Segala peraturan dan hukum-hukum Allah bertujuan untuk kesejahteraan makhluk di muka bumi, termasuk kesejahteraan umat manusia di dunia dan di akhirat. Akidah, Syariat dan Akhlak adalah jurusan-jurusan yang membincang dan menjelaskan peraturan dan hukum-hukum Allah. Terangkan:

- [a] Pecahan Akidah Uluhiyah dan Akidah Rububiyyah dalam konteks hubungan sesama makhluk. Sertakan contoh-contoh yang sesuai untuk menguatkan jawapan anda.
- [b] Bincangkan, adakah boleh seseorang Muslim bertindak di dalam kehidupannya menurut citarasanya sendiri, tanpa berdasarkan kepada syariat Allah menurut nas-nasnya yang yakin?

4. Surah al-Nisa' ayat 58 bermaksud: "Allah memerintah kamu supaya menunaikan amanah kepada ahli-ahlinya. Ayat tersebut juga meminta kamu berlaku adil ketika kamu berhadapan dengan manusia atau keadaan mereka yang memerlukan keadilan dari kamu."

- [a] Nyatakan asas dan prinsip amanah yang boleh membantu seseorang untuk menyampaikan amanah dengan sempurna.
- [b] Apakah yang dimaksudkan dengan keadilan? Jelaskan perkara-perkara yang perlu diketahui dan perkara-perkara yang wajib dijauhi demi untuk menegak keadilan.

5. Jual beli dan riba adalah dua perkara yang menyerupai antara satu sama lain.

- [a] Sebutkan jenis riba yang biasa diperbincangkan oleh 'ulama fiqh.
- [b] Apakah yang dimaksudkan dengan "keuntungan yang berlipat ganda", seperti yang terdapat di dalam maksud ayat 130, surah al-'Imran: "Wahai orang-orang yang beriman! janganlah anda makan riba dengan mengambil untung yang berlipat ganda."
- [c] Adakah pengharusan mu'amalat jual beli di dalam Islam terletak pada nama mu'amalat itu sendiri dari segi hukum halal haramnya? Atau dikira pada zat dan sifat benda atau perkara yang dimu'amalatkan? Jelaskan jawapan anda dengan hujah dan bukti dari sumber-sumber hukum Islam.

6. Buku "Ekonomi Islam: Suatu Perbandingan", karangan al-Lababidi, diterjemahkan oleh Yusuf Ismail, memberi pendedahan dan penekanan kepada perbezaan antara sistem ekonomi Kapitalis, Kominis, Sosialis dan Islam. Berdasarkan pembacaan anda melalui buku tersebut, sila jawab soalan-soalan di bawah:

- [a] Huraikan dengan jelas unsur dan asas ekonomi Kapitalis dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:
 - i. keuntungan (laba) peribadi menjadi matlamat
 - ii. persaingan menjadi cara
 - iii. kebebasan sebagai syarat (suasana).
- [b] Bincangkan unsur-unsur "Presaingan" dalam ekonomi Islam dan unsur-unsur Persaingan dalam ekonomi Kapitalis.
- [c] Apakah yang dimaksudkan dengan "sistem ekonomi Islam tidak membelakangkan fitrah manusia"?

-ooo000ooo-